



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PUISI-PUISI ZAIHASRA: SATU KAJIAN PESIMISME

HASNI ABAS

FBMK 2001 11

PUISI-PUISI ZAIHASRA: SATU KAJIAN PESIMISME

HASNI ABAS

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2001**



PUISI-PUISI ZAIHASRA: SATU KAJIAN PESIMISME

HASNI ABAS

**Tesis ini dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Master Sastera di Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Mei 2001**



DEDIKASI

**KEPADA IBU DAN BAPAKU;
KEPADA ISTERIKU;
HAFIZAH ISNIN
KEPADA ANAK-ANAK KAMI;
HANISAH HASNI
HAFIZ HASNI
HANNANI HASNI
HASANAH HASNI**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

PUISI-PUISI ZAIHASRA: SATU KAJIAN PESIMISME

Oleh

HASNI BIN ABAS

Mei 2001

Pengerusi: Encik Kamaruzzaman bin Abdul Kadir

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini merupakan kajian terhadap puisi-puisi Zaihasra yang ditulis sepanjang tempoh pengkaryaannya dari awal tahun 1970-an hingga akhir tahun 1980-an, yang telah dikumpulkan di dalam kumpulan puisinya *Dalam Pelarian Satu*, *Dalam Pelarian Tiga*, *Balada Tun Fatimah*, *Laut Pohon dan Kota*, dan *Akuarium Kota* kumpulan puisi bersama Siti Zainon Ismail. Kajian ini menggunakan pendekatan psikologi Fenomenologi Humanistik yang diasaskan oleh Carl Rogers, yang berpendapat tingkah laku manusia bukan sahaja dipengaruhi oleh pengalaman dalaman mereka tetapi juga dipengaruhi oleh persekitaran luaran.

Zaihasra merupakan salah seorang penyair wanita Malaysia yang penting dalam sejarah perkembangan sastera Melayu. Sepanjang tempoh pengkaryaan beliau di antara tahun 1970-an hingga 1980-an, beliau telah 7 kali memenangi Hadiah Sastera Malaysia. Namun begitu ketokohnanya tidak mendapat banyak perhatian daripada para pengkaji. Satu hal yang menarik tentang puisi-puisi Zaihasra ialah aspek pesimisme yang terdapat dalam puisi-puisi beliau.

Melalui pendekatan Psikologi Fenomenologi Humanistik yang digunakan, pesimisme begitu jelas terlihat di dalam puisi-puisi Zaihasra yang ditulis sepanjang pengkaryaan beliau. Hal ini jelas kelihatan pada puisi-puisi beliau terutamanya yang ditulis pada akhir tahun 1970-an dan juga sebelum beliau meninggal dunia pada akhir tahun 1989. Pesimisme yang terdapat dalam puisi-puisi Zaihasra banyak mempunyai perkaitan dengan latar belakang kehidupan dan peristiwa yang terjadi dalam kehidupannya.

Hasil kajian ini juga menunjukkan walaupun puisi-puisi Zaihasra mempunyai sikap, perasaan, nada dan mesej yang pesimisme tetapi puisi-puisi beliau masih mempunyai estetika yang diperlukan dalam sesbuah puisi. Puisi-puisi Zaihasra masih mempunyai kepelbagaian diksi yang membawa kepada keseimbangan bentuk dalaman dan luaran serta memberikan kesatuan idea atau mesej yang ingin disampaikan, yang memberikan tahap keestetikaan di dalam sesbuah puisi.

**Abstract of thesis presented to the Senate Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of master of Arts**

**ZAIHASRA'S POEMS:
A PESSIMISM STUDY**

**By
HASNI BIN ABAS
Mei 2001**

Chairman : Encik Kamaruzzaman bin Abdul Kadir

Faculty : Modern Languages and Communication

This thesis is a study of Zaihasra's poems, particularly those written from early 1970s to late 1980s. These poems are published in an anthology entitled, *Dalam Pelarian Satu, Dalam Pelarian Tiga, Balada Tun Fatimah, Laut, Pohon dan Kota, and Akuarium Kota*, a joint effort with Siti Zainon Ismail. The approach applied in this study is that of Carl Rogers' Psychology of Humanistic Phenomenology, which advocates that human behaviour is not only influenced by their own internal experience but also that of the external environment.

Zaihasra is one of Malaysia's most distinguished women poet in the history of the development of Malay Literature. Throughout her writing career, Zaihasra achieved was awarded the Malaysian Literary Prize numerous times. However, her achievement was not given much attention by most researchers. A notable aspect of Zaihasra's poems was her emphasis on pessimism which was evident in all her works.

Through the Psychology of Humanistic Phenomenology approach, Zaihasra was able to display the pessimism aspect throughout her career as a poet. This is evident in her works during the late 1970s and before she died in late 1989. This emphasis, in a way, is a reflection of her real experience in life.

The result of this study proved that Zaihasra's works still portray the aesthetic value in a poem although her approach was very pessimistic. Her works still command a variety of diction which balance the internal and external values. It also presents as unison of ideas or messages that provide the aesthetic value which matters most in a poem.



PENGHARGAAN

Penulisan tesis bukanlah satu usaha yang boleh dilakukan secara perseorangan. Ia memerlukan bimbingan, bantuan, pertolongan dan kerjasama dari orang lain. Dalam usaha menjayakan penulisan tesis ini ucapan terima kasih dan penghargaan perlu diberikan kepada pengerusi penyeliaan tesis ini, Encik Kamaruzzaman Abdul Kadir dan juga ahli jawatankuasa penyeliaan Dr. Ramli Isin dan Encik Abdul Rahim Marasidi.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang terlibat memberikan kerjasama baik secara langsung maupun tidak langsung.

Tidak lupa juga rakaman terima kasih diberikan kepada keluarga Allahyarhamah Zaihasra di Melaka terutama kepada Hajah Saanah bte Ketot, Haji Said bin Md. Jani dan Hajah Rahmah bte Haji Abd. Wahab, yang telah sudi untuk diwawancara.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Sdr. Siti Hawa Hj. Jaafa yang menaip tesis ini dengan tekun. Dan akhir sekali kepada rakan-rakan yang memberikan galakan dan dorongan dalam usaha menyempurnakan penulisan tesis ini.

Hasni Abas
15 Mei 2001

KANDUNGAN

Halaman

DEDIKASI	ii	
ABSTRAK	iii	
ABSTRACT	v	
PENGHARGAAN	vii	
PENGESAHAN	viii	
PENGAKUAN	x	
BAB	PENDAHULUAN	
I		
Pengenalan	1	
Latar belakang Penyair Wanita	4	
Pernyataan Masalah	11	
Objektif Kajian	13	
Kepentingan Kajian	14	
Batasan Kajian	15	
Kaedah Kajian	15	
Latar belakang Zaihasra	16	
Latar belakang Kepenyairan Zaihasra	17	
Pengalaman Hidup dan Kepenyairan Zaihasra	18	
Sumbangan Kesusasteraan Zaihasra	24	
Sikap, Pemikiran dan Pandangan Zaihasra		
Terhadap Kesusasteraan	28	
II	SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	32	
Pandangan atau Tanggapan Terhadap		
Kepenyairan Zaihasra	37	
Pesimisme Dalam Kesusasteraan Melayu	44	

III	METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	46	
Reka bentuk Kajian	46	
Pemilihan Bahan Kajian	47	
Analisis Data	47	
Perkembangan Psikologi	49	
Hubungan Psikologi dengan Kesusasteraan	51	
Perkembangan Pendekatan Psikologi di Malaysia	54	
Pendekatan Psikologi Fenomenologi Humanistik	57	
Pesimisme dalam Psikologi	60	
IV	PESIMISME DALAM PUASI ZAIHASRA	
Pengenalan	63	
Pesimisme dalam Puisi Zaihasra dekad 1970-an	64	
Pesimisme dalam Puisi Zaihasra dekad 1980-an	92	
Rumusan	129	
V	KESIMPULAN	133
BIBLIOGRAFI	139	
BIODATA DIRI	146	

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Puisi adalah genre sastera yang tertinggi estetikanya jika dibandingkan dengan genre sastera yang lain seperti cerpen, novel dan drama. Keadaan ini demikian kerana penciptaan sesebuah puisi begitu terikat dengan ukuran nilai estetikanya. Ukuran nilai estetika tersebut ialah unsur kepelbagaian, keseimbangan dan juga kesatuan yang terdapat dalam sesebuah puisi. (Lufti Abas, 2000: 54)

Perkataan atau kata-kata sebagai alat untuk menghasilkan sebuah puisi dipilih daripada perkataan yang berbagai-bagai, disusun dengan seimbang dan berkesatuan di antara satu dengan lain. Perkataan yang berbagai-bagai ini akan menimbulkan kemerduan, apalagi disusun dengan indah, struktur luaran dan dalamannya akan menimbulkan kemerduan dan memberikan kesatuan fikiran pada makna yang ingin disampaikan.

Puisi telah didefinisikan dengan pelbagai definisi. Namun begitu satu daripada definisi puisi yang hampir dapat diterima oleh semua sarjana baik dari Barat ataupun sarjana tempatan ialah definisi yang telah diberikan oleh Samuel Taylor Coleridge yang mendefinisikan puisi sebagai '*The best words in the best order*' atau kata-kata terbaik atau terindah dalam susunan yang terbaik atau terindah (Rahmat Djoko Pradopo, 1987: 6). Melalui definisi ini penciptaan puisi mementingkan kata-kata yang indah untuk membina struktur dalaman puisi dan

kata-kata yang indah juga disusun untuk menjadi susunan yang indah untuk membina struktur luaran puisi. Ini telah memungkinkan sesebuah puisi mengandungi dua struktur iaitu struktur dalaman dan struktur luaran. Struktur dalaman ialah makna yang terdapat dalam sesebuah puisi. Berkenaan dengan makna yang terdapat dalam puisi, I.A. Richards, seorang pengkritik yang terkenal telah menyebut makna atau struktur batin puisi itu dengan istilah hakikat puisi yang merupakan paduan dari tema, perasaan, nada dan amanat atau mesej (I.A. Richards, 1976: 180-181).

I.A. Richards seterusnya menambah, sesebuah puisi mengandungi suatu makna keseluruhan yang merupakan paduan dari tema (iaitu mengenai persoalan utama puisi itu), perasaan (iaitu sikap penyair terhadap tema dan persoalannya), nada (iaitu sikap penyair terhadap pembaca) dan amanat iaitu: maksud, tujuan atau mesej penyair dalam puisi itu (Henry Guntur Tarigan, 1986: 9). Amanat seseorang penyair hanya dapat dikesan setelah pembaca memahami tema, perasaan dan nada yang terdapat dalam sesebuah puisi tersebut (Herman J. Waluyo, 1987:130).

Pendapat I.A. Richards tentang makna dalaman sesebuah puisi tersebut juga dipersetujui oleh Muhammad Haji Salleh dengan memberikan pendapatnya bahawa puisi biasanya menjadi pembawa pengalaman hidup manusia, cara merasa dan berfikir, sikap dan pandangan terhadap masyarakat dan alamraya (Muhammad Haji Salleh, 1984: 9)

Dari kenyataan I.A. Richards dan Muhammad Haji Salleh ini dapat difahami bahawa sesebuah puisi merupakan pernyataan sikap dan pemikiran seseorang

penyair terhadap sesuatu perkara. Pernyataan ini banyak bergantung kepada tanggapan penyair terhadap perkara tersebut. Jika tanggapannya yang menimbulkan pernyataan yang positif akan lahir puisi yang optimisme, sebaliknya jika tanggapannya bersifat negatif maka akan lahir pula puisi yang pesimisme sifatnya.

Pesimisme adalah sikap atau kecenderungan memandang sesuatu itu dari sudut keburukannya dengan perasaan tidak yakin akan kejayaannya. (*Kamus Dewan*, 1995: 1029). Pesimisme boleh juga dianggap sebagai sikap dan pemikiran seseorang terhadap sesuatu keadaan, perkara, peristiwa dan kejadian yang dilihat dari sudut pandangan yang negatif yang mengakibatkan perasaan tidak yakin, sedih, kecewa, putus asa, rendah diri dan seumpamanya terhadap sesuatu yang telah, sedang dan akan berlaku.

Sikap dan pemikiran pesimis dalam kesusastraan Melayu dapat terlihat dalam sejumlah puisi-puisi Melayu yang ditulis pada dekad 1930-an dan awal dekad 1940-an. Hal ini dapat dilihat antaranya, melalui puisi "Keluh Kesah" karya Pungguk yang tersiar dalam *Majalah Guru*, Mac 1934. Berikut diperturunkan petikan puisi tersebut:

Waktu subuh menyinsing di angkasa
Waktu tabuh bersahut-sahutan
Abang termimpi berbagaia rasa
Adik disangka hanyut di lautan.

Keadaan yang sedemikian juga dapat dilihat dalam puisi Danial Din yang berjudul "Ke Tamadun Timur ... ke Barat", yang tersiar dalam *Majalah Guru*, Bil. 11, Jil. XIV, November 1937, yang secara pesimis membayangkan betapa jauhnya jurang kemunduran antara Timur dan Barat (Ali Ahmad, 1974: 36).

Sikap dan pemikiran yang pesimis terlihat juga pada tanggapan terhadap manusia dalam kebanyakan puisi pada dekad (1930-an hingga 1940-an) tersebut, iaitu manusia yang pasif, manusia yang menderita, yang tidak dapat berusaha apa-apa, tetapi hanya menerima sahaja (Umar Junus, 1980: 126).

Sesuai dengan keadaan puisi pada masa itu, puisi belum dijadikan alat sepenuhnya dalam menyuarakan masalah masyarakat. Cinta muda-mudi atau lukisan alam masih menjadi persoalan utama dalam pengucapan puisi-puisi mereka. Apa yang jelas unsur-unsur pesimisme selalu terdapat pada puisi-puisi kecintaan (Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad, *et. al*, 1981: 73),

Pada awal dekad 1940-an dan era Sebelum Perang aspek pesimisme telah mula menghilang sesuai dengan keadaan ketika itu, di mana semangat patriotisme mula ketara di kalangan penyair. Walau bagaimanapun, pesimisme sekali-sekala masih kelihatan diutarakan dalam puisi-puisi ketika itu seperti yang terlihat dalam puisi "Pusaka" (*Majlis*, 6 Julai 1940), karya Abahmad. Antaranya petikan yang dikemukakan ini:

Pusakaku hampir luput
Ke bangsa asing yang kujemput

Kusangkakan persetiaannya tak mudah reput
Tetapi rupanya aku dibiarkan melata seperti rumput.

Latar belakang Penyair Wanita

Ali Ahmad berpendapat puisi Melayu moden bermula dengan karya Harun Amin al-Rashid dengan judul "Oh Sarikoe" yang diterbitkan oleh majalah *Poedjangga Baroe* Bil. 6 Disember 1933 (Ali Ahmad, 1974:1). Tetapi pendapat Ali Ahmad itu tidak kekal lama. Hal ini berlaku kerana pendapat ini telah dinafikan oleh Zainal Abidin Bakar dengan penemuan puisi "Angan-angan Dengan Gurindam" karya Omar Mustaffa yang tersiar dalam *Utusan Melayu*, pada 18 Januari 1913. Penemuan Zainal Abidin Bakar ini tersiar dalam *Dewan Sastera*, Disember 1975, hlm. 42-43 (Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad, *et. al*, 1981:39). Tema yang terdapat dalam "Angan-angan Dengan Gurindam" telah membicarakan persoalan ekonomi dan penyairnya telah bersikap patriotisme tentang kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi. Dari segi bentuk juga "Angan-angan Dengan Gurindam," telah banyak menyimpang dari struktur puisi-puisi tradisional yang konservatif, khususnya pantun, syair bahkan gurindam (Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad, *et. al*, 1981:42).

Selepas tersiarnya puisi "Angan-angan Dengan Gurindam" puisi Melayu moden mengalami satu kekosongan. Hal ini terjadi kerana hanya pada tahun 1926 baru muncul puisi "Jawab kepada Melur" yang tersiar dalam *Majalah Guru*, terbitan April 1926. Puisi ini ditulis oleh penulis yang menggunakan nama samaran

Kumbang. Dari tarikh tersebut puisi Melayu moden juga mengalami kekosongan sekali lagi. Puisi Melayu hanya terus berkembang selepas tahun 1933 apabila tersiarpuisinya "Oh Sarikoe" yang tersiar dalam majalah *Poedjangga Baroe*, Bil. 6 Disember 1933 tersebut.

Dengan kemunculan Pungguk (nama samaran Muhammad Yasin Makmur) yang menghasilkan puisi "Di Tengah Segara" dan tersiar dalam *Majalah Guru*, Disember 1933 kemudian disusuli dengan tersiarpuisinya puisi-puisi beliau "Selalu Merayu", "Pujukan Hati", "Tak Disangka-sangka", "Keluh Kesah" dan "Ibuku" dalam *Majalah Guru*, Mac 1934, puisi Melayu moden terus berkembang sehingga kini.

Dari kemunculan Pungguk, puisi Melayu telah menerima kehadiran penyair-penyair lain yang merancakkan lagi dunia perpuisian ketika itu. Antara penyair-penyair yang sezaman dengan Pungguk dan dianggap penting ketika itu ialah Kasmani Haji Arif, Abu Samah, Anggerik (Abdullah Sidek), Ngumba (Embong Yahya) dan Yusof Arshad.

Selain *Majalah Guru*, media yang menyiaran puisi ketika itu adalah seperti *Warta Ahad*, *Warta Jenaka*, *Majlis*, *Utusan Zaman*, *Idaman*, dan *Saujana*. Dengan adanya wadah tempat penyiaran puisi ini, dekad ini (1930-an) telah menjadi titik tolak kepada perkembangan puisi Melayu moden.

Di kalangan penyair-penyair lelaki yang menulis puisi pada dekad 1930-an itu telah muncul seorang penyair wanita yang bernama Zainun Nasir yang telah

menyiarkan puisinya yang bertajuk "Perempuan Mesti Bangun" yang tersiar dalam *Al-Hikmah*, bertarikh 7 Mei 1936.

Setelah kemunculan Zainun Nasir beberapa tahun kemudian, telah muncul pula Perawan Kampung dengan puisinya "Bunga Terpedaya" yang tersiar dalam *Warta Ahad*, 3 Mac 1940. Kemudian diikuti pula oleh Kalthum Awang dengan puisinya "Masa Bertanding" yang tersiar dalam *Bulan Melayu*, 1 April 1940. Ini diikuti pula oleh Wok Jamilah dengan puisinya "Wahai Kumbang" yang tersiar dalam *Majalah Guru*, Julai 1940. Puisi-puisi penyair ini dimuatkan dalam *Embun Pagi: Antologi Puisi Sebelum Perang* (1981) yang diselenggarakan oleh Pyan Husayn dan Suhaimi Haji Muhammad.

Tema yang dikemukakan oleh penyair-penyair wanita ini ialah tema yang berkaitan dengan persekitaran hidup kaum wanita. Mereka menyarankan tentang keazaman, cinta muda-mudi, memajukan diri sesuai dengan keadaan masyarakat pada ketika itu.

Pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1942 hingga tahun 1945 dengan slogan "Asia Untuk Asia" dan "Asia Timur Raya Makmur di Bawah Pimpinan Dai Nippon", telah melahirkan penyair terpentingnya iaitu Masuri S.N. Pada zaman ini perkembangan penyair wanita seolah-olah hilang kreativitinya. Ini kerana semasa zaman pendudukan Jepun, hanya terdapat seorang penyair wanita yang menyiarkan karyanya iaitu Gadis Muar dengan puisinya "Oh Malaya" yang tersiar dalam *Sinaran Matahari*, bertarikh 24 Ogos 1942.

Selepas zaman pendudukan Jepun dan selepas era Malayan Union berakhir iaitu di akhir tahun 1940-an kehadiran penyair-penyair wanita semakin jelas kelihatan. Di antara penyair-penyair tersebut ialah Mariam Abdul Ghani, Fatimah Othman, Wanita Kampung, Hafsa Perak, Siti Aishah, Kamariah Johor dan Normah Kamarudin. Kebanyakan tema yang diungkapkan oleh penyair wanita tersebut ialah saranan untuk kaum wanita menyumbangkan tenaga untuk kemerdekaan tanah air.

Kedatangan dekad 1950-an dimanifestasikan oleh penubuhan ASAS 50 pada 6 Ogos 1950 di Singapura, oleh Mohd. Arif Ahmad (MAS), Hamzah, Jymy Asmara, Rosmera dan Masuri S.N. (Keris Mas, 1979: 102) dengan slogan "Seni Untuk Masyarakat". Penyair penting pada dekad 1950-an ini ialah Masuri S.N., Tongkat Warrant, Halim Anuar, Afrini Adham, A.S. Amin, M. Ghazali, Noor S. I., Suhaimi Hj. Muhammad dan A. Samad Said.

Dengan kelantangan tema nasionalisme yang semakin memuncak untuk menuntut kemerdekaan, pada ketika itu telah muncul seorang penyair wanita iaitu Salmi Manja. Salmi Manja pada ketika itu berada di luar kelompok ASAS 50. Di antara puisi Salmi Manja yang penting pada ketika itu ialah "Keluhan" yang tersiar dalam *Utusan Zaman*, 3 Julai 1955, "Antara Puspa-puspa" (*Utusan Zaman*, 28 Oktober 1956) dan "Suara Hati" (*Utusan Zaman*, 24 Februari 1957). Kebanyakan tema puisi Salmi Manja pada ketika itu berkisar tentang hal-hal kewanitaan.

Salmi Manja terus melanjutkan pengkaryaannya pada tahun-tahun 1960-an. Namun demikian sumbangannya tidak sebanyak tahun 1950-an. Kepenyairan Salmi

Manja pada tahun 1960-an telah disertai dengan kehadiran penyair-penyair seperti Anis Sabirin, Maimunah Haji Omar, Arbiah B.A., Rahimah M.Y., Noraini Shahrin dan Maznah Ali.

Di antara penyair-penyair lelaki yang mula menampakkan bakat mereka pada dekad 1960-an ini antaranya ialah Kassim Ahmad, Firdaus Abdullah, Kemala, A. Wahab Ali, Dharmawijaya, Hadzrami A. R., Nahmar Jamil, Jihaty Abadi, Shamsuddin Jaafar dan Rustam A. Sani (Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang *et. al*, 1990: 70-71).

Pada dekad 1960-an ini juga terbit antologi puisi yang bernada protes yang mengkritik sikap pemerintah dalam isu bahasa, tanah dan kemasyarakatan. *Antologi* puisi tersebut ialah *Keranda 152* (1967), *Teluk Gong* (1967), *Kebangkitan* (1969) dan *Suara Tujuh* (1969). Di antara penyair wanita yang turut menyumbangkan puisi dan melahirkan suara protes mereka ialah Arbiah B.A., Rahimah M.Y., dan Fatimah Ayob. (Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, *et. al*, 1990:87). Puisi mereka yang turut termuat dalam antologi puisi *Teluk Gong* tersebut, masih dapat dikesan pernyataan pesimismenya.

Dekad 1960-an juga telah memperlihatkan kepenyairan Anis Sabirin yang cukup menonjol jika dibandingkan dengan penyair wanita yang lain. Kelainan Anis Sabirin ini dapat dilihat melalui kelainan tema yang diucapkan oleh beliau melalui puisi-puisinya. Puisi-puisinya membawakan nada memberontak wanita Melayu baru (Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, *et. al*, 1990:77). Pengucapan temanya

yang memberontak dari kebiasaan nada puisi penyair wanita pada dekad itu dapat dilihat melalui puisinya "Duka" (*Berita Minggu*, 27 Ogos 1961), "Hidup" (*Berita Minggu*, 28 Januari 1962) dan "Ruang Waktu" (*Mastika*, Disember 1962). Anis Sabirin juga telah memberikan persepsi yang agak berlainan terhadap kematian melalui puisinya "Apa Ditakutkan Pada Mati" (*Mastika*, Jun 1963) dan "Kenangan Pada Maut" (*Bahasa*, Bil. 10, 1969). Namun begitu, unsur pesimisme masih terdapat dalam puisi Anis Sabirin tersebut. Contohnya, puisi "Duka" seperti petikan berikut ini:

Air mata beku dalam keluhan
pepohon tua kian gigil diranggas malam
di jalanan menjulur panjang
cintaku debu berterbangan
tanpa suara luluh ditelan rahang buta.

Menjelang dekad 1970-an kepenyairan Salmi Manja dan Anis Sabirin telah mula menurun. Di dalam penurunan kreativiti mereka ini, telah muncul penyair-penyair wanita baru yang mula menulis di akhir dekad 1960-an tetapi mula menampakkan sumbangannya pada awal dekad 1970-an. Penyair-penyair ini seperti Aina M., Halimah Haji Ahmad, Nor Aini Muhammad, Zurinah Hassan, Zanariah Wan Abdul Rahman, Zaihasra, dan Siti Zainon Ismail telah muncul di tengah-tengah kemunculan Latiff Mohidin, Baha Zain dan Muhammad Haji Salleh, iaitu penyair-penyair yang penting pada dekad 1970-an.

Di antara penyair-penyair wanita ini tiga orang daripada mereka iaitu Zurinah Hassan, Zaihasra dan Siti Zainon Ismail telah memperlihatkan ketokohnanya. Mereka bertiga telah memberikan sumbangan yang besar dan penting dalam perkembangan sastera Melayu moden khususnya dalam genre puisi di Malaysia, melalui puisi-puisi yang telah mereka hasilkan.

Pernyataan Masalah

Zaihasra merupakan salah seorang penyair wanita yang terkenal dan besar sumbangannya sepanjang usia pengkaryaannya pada dekad 1970-an dan 1980-an. Pada dekad 1970-an dan 1980-an Zaihasra telah memenangi sebanyak tiga (3) kali Hadiah Karya Sastera dan sebanyak empat (4) kali Hadiah Sastera Malaysia. Beliau juga telah menghasilkan 5 buah kumpulan puisi sepanjang tempoh pengkaryaannya.

Sehubungan ini, kedudukan Zaihasra dalam perkembangan kesusastraan Melayu, khususnya dalam bidang puisi lebih banyak dilihat dari sisi keupayaannya mengungkapkan pengalaman peribadi dan kesan perasaannya melalui kehalusan serta kelembutan bahasa.

Keadaan ini seperti terlihat melalui catatan di kulit belakang kumpulan *Dalam Pelarian Satu* yang menyatakan puisi-puisi dalam kumpulan ini merupakan satu rakaman kehidupan dari penyair wanita ini yang pada keseluruhannya membawa tema cinta, kesetiaan, kerinduaan dan kesepian serta konflik antara pemikiran dan